

# Pupuk generasi muda minat sains, teknologi

Archival News | Berita Harian | 17/07/2014

Aspirasi negara melalui Wawasan 2020 iaitu pencapaian taraf sebuah negara maju menjelang tahun 2020 antara lain menekankan kemajuan Sains dan Teknologi (S&T). Selaras dengan itu, kerajaan telah melaksanakan Dasar Sains dan Teknologi Negara sebagai satu alat untuk pembangunan sosioekonomi dan pendidikan.

Perkasa jati diri pelajar

Dalam membantu mencapai aspirasi itu, Management & Science University (MSU) melalui Jabatan International and Collegiate, MSU menganjurkan MSU Young Scientist Challenge 2014 bermatlamat memperkasakan jati diri dalam kalangan pelajar dengan tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif dan dinamik serta menguasai ilmu sains dan ketrampilan teknologi melalui pendedahan awal kerjaya dalam bidang sains.

Peserta terbabit melalui dua fasa aktiviti merangkumi fasa 1 iaitu Eksplorasi seperti I Feel It, Ujian Darah (ABO), Herbs Test, Eye Focus, Crime Scene investigation, Trace Hidden File dan Facial Composites. Manakala fasa 2 pertandingan berkonsepkan melibatkan aktiviti berbentuk Inovatif dan Kreativiti.

Pertandingan ini disertai 160 pelajar dari 20 sekolah menengah di sekitar Lembah Klang. Antaranya ialah SMK Bukit Jelutong, SMK Putrajaya 1, SMK Subang Utama, SM Sains Seri Puteri, SMK Ampang, SMK SS 17, SMK USJ 12, SMK Salahuddin Abd Aziz, SMK Bukit Bandaraya, SMK Convent Bukit Nanas, SMK Tengku Ampuan Rahimah, SMK Andalas, SMK Shah Bandaraya dan SMK Putra Perdana.

Pemenang bagi pertandingan ini menerima hadiah berbentuk wang tunai dan biasiswa bernilai RM50,000 serta trofi dan hamper.

Tempat pertama dimenangi SMK Sri Hartamas, tempat kedua dan ketiga dimenangi SMK Cyberjaya dan SMK Subang Utama.

Kategori peserta terbaik

Sementara bagi kategori peserta terbaik pula telah dimenangi Nur Iman Kamil Rozaidi, SMK Aminuddin Baki, diikuti Kaminibhai a/p Chandran, SMK Raja Mahadi dan Syed Mohd Syafiq Affandy Syed Ali Akhbar, SMK Seksyen 7.

Majlis penutupan pertandingan ini dihadiri Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dato Wira Dr Mohd Shukri Ab Yajid, pengurusan kanan, wakil sekolah serta peserta.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut program pengajian ditawarkan di MSU, sila hubungi 03-55216868 atau lawati [www.msu.edu.my](http://www.msu.edu.my). Pilihan lain dengan menghantar sms ke INFOMSU nama e-mel dan hantar ke 019-341 9152/016-356 8251 atau 012-249 6551.

( END )

Source : Berita Harian